

PM fikir dulu rombak Kabinet

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau akan berfikir terlebih dahulu berhubung kemungkinan melakukan rombakan Kabinet.

“Rombakan... nanti saya fikir dulu,” kata Perdana Menteri, ringkas.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan majlis penutup Sidang Kemuncak Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) Malaysia 2023 di sini, semalam.

Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil, semalam, memaklumkan Mesyuarat Jemaah Menteri di Putrajaya tidak membincangkan mengenai rombakan Kabinet.

Pada 15 September lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata, kekosongan jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup akan diisi secepat mungkin.

Jawatan itu kini dipangku

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali, susulan kematian penyandanganya, Datuk Seri Salahuddin Ayub pada 23 Julai lalu.

Malah, timbul khabar angin bahawa Perdana Menteri dijangka melakukan rombakan terbit selepas Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Pelangai pada 7 Oktober ini.